



**MAJLIS PERBANDARAN MUAR
IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Johor Darul Takzim) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

1. **SKIM PERKHIDMATAN** : **JURUTERA GRED J41**
(a) **KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN**
(b) **KEMENTERIAN / JABATAN** : **MAJLIS PERBANDARAN MUAR**
(c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
(d) **GRED** : **J41**
(e) **KEKOSONGAN** : **1 (SATU)**
(f) **TARAF JAWATAN** : **TETAP**

2. **Jadual Gaji** **Jadual Gaji Minimum – Maksimum** : RM 2,529.00 - RM 9,643.00

3. **SYARAT LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred J41: RM2,529.00);dan

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. **PERMOHONAN**

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bil. 17 Bab A Tahun 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;
- (b) Borang pemohon yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah;

- (c) Permohonan hendaklah disertakan 'video resume' yang berdurasi tidak lebih dari 3 minit dalam bentuk *softcopy*. Garis panduan penyediaan 'video resume' adalah sebagaimana berikut :
- a) Video tersebut hendaklah menggunakan suara pemohon sebenar.
 - b) Kandungan video tersebut hendaklah merangkumi sebahagian besar perkara-perkara di bawah;
 - i) Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon
 - ii) Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon
 - iii) Ringkasan pengalaman kerja pemohon
 - iv) Pekerjaan / aktiviti terakhir atau semasa pemohon
 - v) Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon
 - vi) Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon
 - vii) Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'
 - viii) Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon
 - ix) Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon
 - x) Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon
 - c) Pemohon digalakkan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.
 - d) Video hendaklah di simpan di dalam CD.
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak.
- (e) Sebarang usaha untuk membuat penghantaran dokumen **SELEPAS** borang dihantar / tarikh iklan ditutup **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- (f) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (g) Sila kembalikan surat pengiktirafan akreditasi bagi kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil yang boleh diakses di laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> dan dilampirkan bersama borang permohonan.
- (h) Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjurong atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada :

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MUAR
KARUNG BERKUNCI NO. 516
84009 MUAR, Johor

6. Tarikh Tutup Permohonan : 29 MAC 2020